

Lembah Kinta di-antara daerah perlombongan yang terkaya di-dunia, tapi apa-kah ia akan dapat menjamin keutuhan ekonomi dan kema'amoran negara kita untuk sa-lama2-nya?

Keluaran khas

KEPUTERAHAN
SULTAN
NEGERI PERAK
YG KE-43

Bijeh timah Perak 2/3 dari ekspot negara

Oleh
HARUN TAIB

15.9.67

58 peratus

DUA pertiga dari jumlah ekspot bijeh timah Malaysia datang dari Perak, sa-buah negeri pengeluar bijeh yang terbesar sa-kali di-negara kita.

Kerana hasil pengeluaran bijeh-nya yang terbesar maka Perak menjadi salah sa-buah negeri terkaya sa-kali di-antara negeri2 dalam Malaysia.

Ra'ayat Perak tentu merasa bangga dengan kekayaan hasil bumi-nya sa-bagaimana Kedah dan Selangor berbangsa dengan hasil padi-nya dan Pahang dengan perusahaan kayu balak-nya.

Menurut chatatan, perusahaan lombong bijeh telah dikuasai oleh negeri ini sejak 77 tahun yang lalu, dan dalam jangka waktu sa-lama tiga suku kurun itu sudah tentu perusahaan tersebut memberi hasil besar kepada negeri ini.

Dan sa-bahagian besar dari keuntongan itu sudah tentu di-perolehi oleh Perak sa-bagai negeri pengeluar bijeh yang terbesar.

Sa-lama 77 tahun Malaysia menjadi negara pengeluar bijeh timah yang bertanggung jawab lebih dari satu pertiga keperluan bijeh dunia.

Dalam masa beberapa tahun ka-belakang ini bijeh timah sa-makin di-perlukan terutama bagi negara2 perindustrian seperti Jepun yang banyak menggunakan bahan tersebut.

Lembah Kinta di-Perak ada-lah salah sa-buah daerah lombong bijeh yang terbesar dan dianggap paling banyak menguarkan bijeh timah untuk pasaran dan keperluan dunia.


Dalam tahun 1964, sa-banyak 58 peratus dari jumlah pengeluaran dan ekspot Malaysia datang dari Perak, 31 peratus dari Selangor dan baki-nya dari Pahang, Johor, Negeri Sembilan, Kedah, Perlis, Trengganu dan Melaka.

Sejarah perusahaan lombong di-negeri ini bermula sa-belum Melaka di-talok oleh Portugis dalam tahun 1511.

Menurut chatatan, dalam tahun 1641 Belanda menawan Melaka dari Portugis dan menubuhkan pusat2 permernagan untuk mengawal ekspot bijeh keluar negeri.

Dalam tahun 1797, ekspot bijeh dari Perak berjumlah kira2 5,000 pikul. Jumlah itu bertambah kepada 8,500 pikul dalam tahun 1839 dan meningkat lagi kepada 14,738 dalam tahun 1880.

Hingga tahun 1892, perusahaan lombong di-negeri ini keseluruhan-nya di-selenggarakan oleh orang2 Melayu dan Cina.



Sa-buah kapal korek bijeh timah paling moden yang boleh berkerja menggali bijeh dari dasar laut di-negeri ini.

Tetapi pada awal tahun 1892 sa-buah sharikat lombong Perancis telah ditubuhkan, dan di-kuhi pula oleh beberapa buah sharikat British.

Meningkat

Hingga tahun 1910, 22 peratus dari pengeluaran bijeh di-negeri ini datang dari sharikat2 yang di-selenggarakan oleh perusahaan orang2 Eropah, dan dalam tahun 1930 jumlah peratus bijeh yang di-keluarkan oleh sharikat2 itu meningkat kepada 63 peratus.

Sa-hingga pada masa ini sa-bahagian besar dari perusahaan lombong di-negeri ini di-kuasai oleh sharikat2 luar negeri.

Kedudukan perusahaan lombong sama-lah seperti perusahaan getah yang di-keluarkan oleh sharikat2 di-pasaran dunia meningkat dan kadang

kala merosot. Bagi Malaysia perusahaan bijeh dan getah amat penting kerana kedua2 perusahaan itu-lah yang menjamin kedudukan ekonomi nya-sa-lama ini.

Tetapi Malaysia tidak mungkin sa-lama2 nya bergantung kepada perusahaan itu khas-nya bijeh timah.

Menurut laporan yang di-terima membayangkan bahawa pengeluaran bijeh timah di-negeri ini akan berkurangan. Dan ada-lah di-jangka bahawa harga pengeluaran bijeh timah di-negeri ini akan jatuh sa-banyak 43 peratus dari sekarang antara tahun 1966 hingga 1970.

Sambungan

Merosot

Perincian2 yang di-dapati menunjukkan bahawa ekspot bijeh timah Malaysia pada tahun lalu telah merosot jika di-bandingkan dengan tahun2 sa-belum-nya.

Pengiriman bijeh timah melalui pelabuhan2 di-Malaysia dan Singapura pada tahun lalu hanya 11,626 tan, ia-litu jumlah yang paling rendah sejak tujuh tahun yang lalu.

Ekspot bijeh Malaysia sejak tahun 1960 seperti berikut: 1965 (73,383 tan); 1964 (71,315 tan); 1963 (66,094 tan); 1962 (81,334 tan); 1961 (78,206 tan) dan 1960 (76,367 tan).

Kemerosotan ekspot bijeh pada tahun lalu ialah kerana Amerika Sharikat, India, Australia dan Canada mengurangkan jumlah pembelian bijeh timah dari negeri ini.

Walau pun Amerika Sharikat menjadi negara pembeli yang terbesar sejak beberapa tahun, tetapi pada tahun lalu ia hanya mengimport sa-banyak 26,331 tan saja —

kurang 5,191 tan dari tahun sa-belum-nya.

Dan Australia juga, yang pada tahun2 sa-belum-nya membeli sa-jumlah besar bijeh dari Malaysia, pada tahun lalu ia hanya mengimport 210 tan berbanding dengan 1,482 tan dalam tahun 1965.

India pada tahun lalu membeli 2,266 tan (kurang 1,278 tan); Canada 2,811 tan (kurang 1,272 tan); Negeri2 Eropah Timur membeli 4,202 tan (kurang 410 tan); Timor Tengah 733 tan (kurang 127 tan); New Zealand 46 tan (kurang) dan Jerman Barat 153 tan (kurang 41 tan).

Ekspot ka-negeri2 lain pada tahun lalu agak bertambah sedikit dari tahun2 sa-belum-nya.

Pasar baru

Jepun pada tahun lalu mengimport sa-banyak 16,634 tan — lebih 3,068 tan dari tahun 1965. Itali dan Perancis pula telah mengimport sa-banyak 6,896 tan.

Itali telah mengimport sa-banyak 4,321 tan pada tahun lalu, ia-litu bertambah sa-banyak 635 tan dari jumlah import pada tahun 1965. Perancis pula membeli 2,575 tan tahun lalu berbanding 1,930 tan pada tahun sa-belum-nya.

Negeri2 lain yang telah menambah jumlah import bijeh timah dari Malaysia pada tahun lalu ia-litu: Argentina 1,420 tan (lebih 436 tan); Belgium 1,220 tan (550 tan lebih); Belanda 2,916 tan (595 tan lebih); Britain 2,719 tan (376 tan lebih); Negeri2 Eropah Barat 329 tan (215 tan lebih); Amerika Tengah dan Selatan 854



tan (312 tan lebih); Afrika 185 tan (33 tan lebih); Asia Tenggara 681 tan (50 tan lebih) dan lain2 negeri di-Asia 1,324 tan (835 tan lebih).

Berdasarkan perincian2 ini terbayang-lah kepada kita bahawa ekspot bijeh Malaysia telah merosot terutama ka-negeri2 perusahaan sa-perti Amerika yang saharus-nya memerlukan lebih banyak bijeh timah dari negeri2 lain.

Kerana kemerosotan ini-lah maka Kerajaan pada masa ini sedang berusaha menyelidiki kemungkinan mendapat kawasan2 baru di-seluruh negeri untuk melipat gandakan hasil bijeh-nya.

Dengan bertambah lagi hasil pengeluaran nanti maka kemerosotan harga dan ekspot bijeh ka-pasaran dunia yang memberi kesan kepada kedudukan ekonomi negara ini, khas-nya Perak, akan dapat di-atasi.

15.9.67

Sa-bahagian besar perusahaan lombong bijeh timah di-negeri ini di-jalankan dengan jentera. Gambar atas menunjukkan salah satu alat pengorek bijeh dari sa-buah 'kapal korek' di-daerah Lembah Kinta, kawasan yang paling banyak menghasilkan bijeh timah dalam Malaysia.